

# 1

## PENGGUNAAN TEKNOLOGI STUNNING DALAM SEMBELIHAN HALAL DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Tuan Sidek T.M.<sup>1\*</sup> dan Ridzwan Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.  
E-mail: sidek@ump.edu.my.

Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.  
Emel: ridzwan@um.edu.my

\*Corresponding Author

**Abstrak:** Perkembangan teknologi turut memberi kesan kepada industri pengeluaran daging halal. Antara teknologi yang digunakan dalam sembelihan halal pada hari ini ialah *stunning*. Terdapat pelbagai perbincangan berkaitan penggunaan teknologi ini termasuklah dari sudut keharusannya pada pandangan syarak. Walaupun terdapat sedikit perbezaan pendekatan dalam membenarkan penggunaannya dalam industri halal, di Malaysia, terdapat pandangan hukum dan fatwa yang mengharuskan penggunaannya jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, tulisan ini dikemuka untuk menjelaskan kedudukan penggunaan *stunning* dari perspektif maqasid syariah. Fokus perbincangan ialah penilaian terhadap penggunaannya sama ada lebih menepati *maslahah* penjagaan *daruriyyat al-khams* atau sebaliknya. Tulisan ini berdasarkan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan dan analisis data dibuat menggunakan pendekatan analisis dokumen. Analisis menunjukkan sembelihan yang tidak menggunakan teknik *stunning* lebih menepati *maslahah* dalam menjaga *daruriyyat al-khams* khususnya dalam penjagaan agama, nyawa dan harta.

**Kata kunci:** *stunning*, *thoracic sticking*, sembelihan, halal, maqasid Syariah.

## 1.1. Pendahuluan

Daging merupakan bahan yang penting sebagai makanan manusia. Ia boleh dimakan dengan cara dimasak dalam pelbagai bentuk masakan. Ia juga merupakan salah satu ramuan penting pelbagai produk makanan. Daging yang halal perlu melalui proses yang menepati syarak. Antara peringkat terpenting dalam proses tersebut ialah sembelihan. Kesan daripada kemajuan sains dan teknologi di samping tuntutan pihak yang memperjuangkan kebijakan haiwan (*animal welfare*), penggunaan *stunning* turut diperaktikkan di rumah-rumah sembelihan terutamanya di luar negara. Di Malaysia, sebahagian rumah sembelihan halal ayam turut menggunakan *water bath stunning*.

Penggunaan *stunning* merupakan salah satu isu yang terdapat perbezaan antara pelbagai peraturan halal di peringkat antarabangsa. Anwar Ghani (“The Endless Halal Industries”, 2016), bekas presiden, The Federation of Islamic Associations of NZ Inc. dan Pengurus Halal Advisory Council New Zealand menjelaskan antara perbezaan yang berlaku dalam pelbagai standard halal ialah pemakaian pentafsiran *istihalah* dan pemakaian *stunning*. Menurut Dewi Hartaty Suratty (“Penyelaras sijil halal”, 2020), Malaysia, Brunei dan Singapura membenarkan amalan teknologi *stunning* dalam penyembelihan ayam tetapi Arab Saudi melarang.

Perbezaan prosedur juga berlaku antara negara MABIMS (Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura). Berdasarkan kepada standard dan prosedur negara masing-masing, Malaysia, Indonesia dan Singapura menerima beberapa bentuk *stunning*. Di Malaysia, pada awalnya, penggunaan *non-penetrative captive bolt stunner* tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 2006 telah membenarkan penggunaannya jika menepati syarat-syarat yang ditetapkan (Hidayah, 2016). Di Pakistan, *stunning* tidak dibenarkan dalam sembelihan ruminan kecuali terdapat keperluan seperti untuk mengawal binatang yang sukar dikawal. Dalam sembelihan unggas, ia juga tidak dibenarkan kecuali terdapat keperluan dengan memenuhi syarat-syarat

## Penggunaan Teknologi *Stunning* dalam Sembelihan Halal di Malaysia Menurut Perspektif Maqasid Syariah

tertentu seperti binatang itu tidak mati sebelum sembelihan, proses *stunning* telah terbukti berperikemanusiaan dan *stunning* tidak mengurangkan darah yang mengalir selepas sembelihan (The Gazette of Pakistan, 2016). Walau bagaimanapun, di beberapa negara di Eropah, mereka menetapkan binatang sembelihan perlu dilaksanakan *stunning* terlebih dahulu sebelum disembelih. Antara negara tersebut ialah Slovenia, Finland, Denmark dan Sweden (9 out of 10 Europeans, 2020).

Justeru, artikel ini berdasarkan satu kajian kualitatif yang dikemukakan bertujuan menjelaskan kedudukan *stunning* dari perspektif maqasid syariah. Kajian menggunakan kaedah analisis dokumen dengan data-data daripada pelbagai sumber bertulis seperti buku, jurnal, tesis, akta dan prosedur dirujuk dan dibuat analisis. Memahami sesuatu isu ini berpandukan perspektif maqasid syariah merupakan satu perkara yang penting kerana hukum-hukum syarak yang disyariatkan bertujuan menjaga kemaslahatan manusia pada lima perkara yang asasi iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, analisis ini akan melihat sejauh mana penggunaan *stunning* khususnya di Malaysia selari dengan maqasid syariah khususnya dalam menjaga *daruriyyat al-khams*.

### 1.2. Definisi dan Konsep Maqasid Syariah

Maqasid syariah terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maqasid merupakan kata jamak kepada perkataan *maqsid* yang membawa maksud tujuan atau maksud (al-Marbawi, 1998). Secara ringkasnya, apabila digabungkan perkataan maqasid dan syariah, ia boleh diertikan sebagai tujuan, matlamat dan objektif syariah.

Dari sudut istilah, pelbagai definisi maqasid syariah telah diberikan oleh pelbagai tokoh pengkaji ilmu ini. Antaranya ialah hikmah-hikmah, *masalih* (kebaikan) dan manfaat-manfaat (Ibn ‘Asyur, 2011), tujuan-tujuan yang didatangkan syariah untuk mendatangkan kemaslahatan hamba (al-Raysuni, 2011) dan *maslahah* syariah, tujuan-tujuan dan tanda-tandanya yang

bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat (al-Khadimi, 2003). Terdapat pelbagai lagi definisi oleh pelbagai tokoh lain tetapi secara umum maksudnya adalah sama iaitu berkisar tentang tujuan pensyariatan untuk memelihara *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (keburukan atau kemudaratan) sama ada kepada individu mahupun masyarakat, dunia dan akhirat.

Berdasarkan kepada definisi di atas, perkara asas yang menjadi tumpuan dalam perbincangan maqasid syariah ialah *maslahah*. Menurut al-Ghazali (1996), *maslahah* ialah menjaga matlamat syarak. Matlamat syarak ada lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta. Setiap perkara yang membawa kepada penjagaan kelima-lima ini ialah *maslahah*, ketiadaan penjagaan kelima-limanya atau salah satunya ialah *mafsadah* dan menjauh daripada *mafsadah* adalah *maslahah*. Menurut Ibn ‘Ashur (2011), *maslahah* ialah sifat bagi sesuatu perbuatan yang menghasilkan kebaikan yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu. *Mafsadah* pula berlawanan dengan *maslahah* iaitu satu sifat bagi suatu tindakan yang membawa kepada kemusnahan atau kemudaratan yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu.

Dalam perbincangan maqasid syariah, *maslahah* mempunyai tiga tingkat iaitu *maslahah daruriyyah*, *maslahah hajiyah* dan *maslahah tafsiniyyah*. *Maslahah daruriyyah* ialah perkara yang mesti ada untuk kemaslahatan hidup dunia dan akhirat. Ketiadaannya menyebabkan kerosakan dan kemusnahan sistem kehidupan dunia serta kegagalan dan kembali dalam keadaan kerugian pada kehidupan akhirat (al-Shatibi, 2011). Menurut Ibn ‘Ashur (2011), *maslahah daruriyyah* ialah apa-apa yang umat secara kolektif ataupun secara individu memerlukannya. Sekiranya tiada *maslahah* tersebut, akan rosak sistem dan membawa kehidupan umat kepada kebinasaan serta kehancuran. Terdapat lima perkara yang perlu dipelihara untuk memastikan *maslahah* peringkat ini terjaga iaitu menjaga agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta.

*Maslalah hajiyah* pula ialah apa yang diperlukan untuk kemudahan dan menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kepada kepayahan. Sekiranya tidak dipelihara perkara tersebut, ia boleh membawa kepada kepayahan tetapi tidaklah sampai ke tahap kemasuhan (al-Shatibi, 2011). *Maslalah tafsiniyyah* pula bermaksud mengambil apa yang sesuai daripada adat-adat yang baik dan menjauhi perkara kurang baik (al-Shatibi, 2011). Menurut Ibn ‘Ashur (2011), *tafsiniyyah* ialah perkara yang membawa kepada kesempurnaan keadaan umat sehingga hidup mereka aman, tenang serta dipandang elok oleh umat-umat lain sehingga umat Islam dilihat sebagai umat yang masyarakat lain ingin dekat dan bersama.

### 1.3. **Stunning dan Pelbagai Bentuk *Stunner***

*Stunning* dari sudut bahasa ialah *causing astonishment or disbelief* (Merriam-Webmaster, t.t) yang bermaksud menyebabkan berlaku kejutan. Dalam industri sembelihan, *stunning* merujuk kepada tindakan ke atas binatang yang hendak disembelih dalam keadaan tidak sedarkan diri (pengsan). Ia dilakukan supaya penyembelihan boleh dijalankan tanpa rasa takut yang boleh mencetuskan sebarang kecemasan, kesakitan, penderitaan dan kesusahan (Nakyinsige et al, 2013).

Terdapat beberapa jenis *stunner* yang digunakan dalam industri sembelihan. Antara yang digunakan dalam sembelihan ruminan ialah:

1. *Penetrative Captive Bolt* – menggunakan *pistol captive bolt* yang mengandungi sebiji besi keluli di hujungnya yang tajam dan akan menembusi tengkorak apabila tembakan dilakukan. Tembakan yang dikenakan di dahi haiwan akan menyebabkan kerosakan pada bahagian-bahagian otak yang tertentu. Jika tidak disembelih, haiwan itu akan mati akibat daripada kerosakan tersebut.
2. *Non-Penetrative Captive Bolt* – ia menggunakan *captive bolt* yang hujungnya berbentuk cembung. Kaedah ini hanya mengetuk atau mengenakan tekanan kepada

tempurung kepala tanpa menembusi tengkorak. Kejutan alat pemukul datang daripada katrij kosong atau tekanan angin yang memantulkan kepada pemukul jenis *mushroom head* dan mengetuk di kepala haiwan pada tempat yang tertentu. Secara asasnya, kejutan dengan cara ini akan mewujudkan satu gelombang tekanan dalam rongga otak apabila ketukan berlaku. Gelombang tekanan inilah menyebabkan haiwan tersebut pengsan.

3. *Electrical Shock* – Kejutan elektrik di kepala sahaja. Kebiasaananya cara ini digunakan ke atas lembu, kambing atau biri-biri. Melalui cara ini, pekerja akan meletak sepasang penyepit di kedua-dua belah kepala haiwan sama ada di tepi atau di atas dan di bawah. Aliran dialirkan dengan kadar dan dalam tempoh yang sesuai mengikut jenis haiwan, saiz dan jantina. Ini bagi mengelakkan aliran elektrik daripada mengalir ke jantung atau seluruh badan yang akan mengakibatkan jantung terhenti dan seterusnya kematian haiwan. *Stunning* seperti ini tidak menyebabkan kematian pada haiwan sekiranya dilakukan dengan memenuhi syarat-syaratnya iaitu: Arus elektrik dialirkan pada di bahagian atas kepala haiwan bagi kambing dan biri-biri. Bagi lembu pula arus dialirkan di hidung. Ini bertujuan mengelakkan daripada ia mengalir ke badan dan jantung. Arus elektrik tidak boleh melebihi had yang ditetapkan.
4. Pelalian gas – binatang dilalikan dengan mendedahkannya kepada gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>). Gas ini menyebabkan binatang tidak sedar (Persatuan Pengguna Pulau Pinang).
5. *Waterbath stunning*. Ia merupakan sejenis alat elektrik yang menggunakan media air untuk kejutan haiwan sebelum disembelih. Melalui cara ini, kaki ayam yang akan dipengsangan digantung pada conveyer yang akan bergerak ke satu takungan air yang mengandungi aliran elektrik. Kekuatan arus elektrik akan dikawal oleh juruteknik Muslim yang bertauliah bagi memastikan aliran tidak terlalu tinggi yang boleh menyebabkan kematian unggas (Jafri & Zulfaqar, 2006).

## 1.4. Dapatan dan Perbincangan

Beberapa bentuk *stunning* diharuskan penggunaannya dalam sembelihan halal di Malaysia. Terdapat beberapa pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkaitan *stunning* sebagaimana Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1.1:** Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkaitan *stunning* di Malaysia (Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, 2015)

Bil.	Perkara / Tahun	Pandangan Hukum
1	Penggunaan <i>electrical stunning</i> dalam penyembelihan lembu / 1988	Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan <i>electrical stunning</i> dalam penyembelihan lembu adalah harus.
2	Penyembelihan ayam dengan pelalian <i>water stunner</i> / 1988	Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan <i>water stunner</i> dalam proses penyembelihan ayam adalah harus
3	Hukum <i>stunning</i> haiwan / 2005	1- Kaedah <i>stunning</i> jenis <i>penetrative captive bolt</i> dan <i>non penetrative captive bolt</i> ( <i>mushroom head gun</i> ) adalah haram dan tidak dibenarkan kerana ia boleh menyebabkan kematian haiwan. 2- Hanya kaedah kejutan elektrik ( <i>electrical stunning</i> ) sahaja dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut: a- <i>Stunner</i> yang digunakan adalah jenis kejutan di kepala sahaja ( <i>head only stunner</i> ). b- Kekuatan arus elektrik hendaklah dikawal (tidak boleh melebihi had yang

Bil.	Perkara / Tahun	Pandangan Hukum
		<p>ditetapkan) iaitu antara 0.75 ampere untuk kambing, 2.0 ampere untuk lembu dan tempoh masa aliran elektrik adalah antara 3-6 saat; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c- Perlu dikawal selia oleh petugas Muslim yang bertauliah.</li> <li>3- Kaedah <i>waterbath stunning</i> untuk ayam dan itik (<i>poultry</i>) adalah diharuskan dengan syarat:</li> <ul style="list-style-type: none"> <li>a- kekuatan arus elektrik dikawal supaya tidak mematikan haiwan dan;</li> <li>b- ia perlu dikawal selia oleh petugas muslim yang bertauliah.</li> </ul> <li>4- Penggunaan dadah dan karbon dioksida dalam prosedur sembelihan adalah diharuskan dengan syarat tidak menyeka atau mematikan haiwan tersebut.</li> </ul>
4	Penggunaan <i>pneumatic percussive stunning</i> menurut pandangan Islam / 2006	Penggunaan <i>pneumatic percussive stunning</i> dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan <i>stunning</i> dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan.

Berdasarkan Jadual 1.1., penetapan pandangan hukum berkaitan penggunaan *stunning* di Malaysia bermula pada tahun 1988 iaitu keharusan penggunaan *electrical stunning* dalam penyembelihan lembu dan penggunaan *water stunner* dalam penyembelihan ayam. Pada tahun 2005 pula, telah diputuskan

haram penggunaan kaedah *stunning* jenis *penetrative captive bolt* dan *non penetrative captive bolt (mushroom head gun)* atas alasan ia boleh menyebabkan kematian haiwan. Hanya kaedah kejutan elektrik (*electrical stunning*) dibenarkan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pandangan hukum juga menetapkan keharusan penggunaan dada dan karbon dioksida dalam prosedur sembelihan dengan syarat tidak menyeksa atau mematikan haiwan tersebut.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2006, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memutuskan keharusan penggunaan *pneumatic percussive stunning* dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan *stunning* dalam keadaan tidak retak dan kematian disebabkan oleh sembelihan.

Penetapan pandangan hukum pada tahun 2006 ini tidak menyebut tentang larangan penggunaan *penetrative captive bolt* ataupun *non-penetrative captive bolt* yang tidak dibenarkan pada penetapan tahun 2005. Syarat tidak retak mengikat keharusan penggunaan kedua-duanya. *Penetrative captive bolt* ialah *stunner* yang secara lazimnya menyebabkan pecah tulang tengkorak. Oleh itu, secara tidak langsung, pandangan hukum bilangan 4 di atas yang mengharuskan penggunaan *pneumatic percussive stunning* hanya terpakai pada *non-penetrative* kerana penggunaannya kemungkinan membawa kepada pecah ataupun tidak pecah tulang tengkorak. Di dalam MS 1500:2009 dan *Malaysian Protocol for the Halal Meat and Poultry Productions* (2011), terdapat garis panduan penggunaan *pneumatic percussive stunner* dengan mematuhi beberapa syarat iaitu:

- i Ia bersesuaian untuk lembu sahaja.
- ii Tekanan udara pada *stunner* yang digunakan hendaklah tidak melebihi 225 psi dan dilaraskan kepada kuasa minimum yang diperlukan semasa *stunning*.
- iii Kepala *stunner* hendaklah rata atau cembung sedikit.
- iv Kepala *stunner* hendaklah dilindungi oleh kolar pelindung di sekelilingnya supaya ia tidak terkeluar melebihi 3 mm.

Dari sudut hukum fiqh, walaupun tidak terdapat kaedah *stunning* pada zaman awal Islam, tetapi berpandukan kepada *nas* dan *qiyas*, binatang yang mati ketika dilaksanakan *stunning* menggunakan kaedah *pneumatic percussive stunning* berada pada kategori *al-mawqudhah* (binatang yang mati kerana dipukul), begitu juga dengan binatang yang mati disebabkan oleh *electrical stunning*. Ia turut dikategorikan sebagai *al-mawqudhah* kerana kejutan yang berlaku itu seperti ketukan. Manakala binatang yang dipengsangkan dengan gas karbon dioksida lebih dekat dengan kategori *al-munkhaniqah* iaitu yang mati tercekik (Jafri & Zulfakar, 2006).

Apa-apapun jenis kematian, binatang halal yang tidak disebelih dengan kaedah yang menepati syarak ialah bangkai. Justeru, keharusan penggunaan *stunning* perlu dilihat dari sudut sama ada proses tersebut menyebabkan kematian atau menjadikan haiwan yang hendak disebelih berada pada *hayah al-madhbuhah* ataupun *hayah al-mustaqrirrah*. Menurut Malaysian Standard 2393:2010, *hayah mustaqrirrah* ialah keadaan binatang sembelihan yang diyakini masih bernyawa dan boleh dikenal pasti apabila ada darah terpancut semasa penyembelihan dan adanya pergerakan. *Hayah al-madhbuhah* pula ialah keadaan binatang yang masih bernyawa tetapi nyawa tersebut ialah nyawa kematian.

Oleh itu, sekiranya tindakan *stunning* menjadikan binatang itu pengsan sahaja, hukum sembelihan itu sah. Sebaliknya, jika ia mematikan haiwan atau menjadikan haiwan itu berada dalam *hayah al-madhbuhah*, sembelihan itu tidak sah. Penetapan syarat tidak retak tengorak pada penggunaan *pnuematic percussive stunning* dan penetapan kadar suhu tertentu bagi *electrical stunning* merupakan salah satu bentuk *tahrim al-wasa'il* (pengharaman jalan-jalan) agar proses *stunning* tidak mematikan haiwan atau tidak menjadikannya berada dalam keadaan *hayah al-madhbuhah* ketika sembelihan dilakukan.

Dari sudut maqasid syariah, sesuatu yang disebut oleh *nas* mengandungi *maslahah* untuk menjaga agama dan menjaga

nyawa. Makanan yang baik akan memberikan kesihatan fizikal dan emosi yang baik. Tujuan utama sembelihan adalah untuk mengeluarkan darah binatang sebanyak mungkin kerana darah ialah agen kepada pembiakan bakteria yang boleh memudaratkan manusia (Awis Qurni, 2012). Sekiranya sembelihan itu dilakukan ketika *hayah al-madhbuhah*, dikhuatiri darah yang keluar tidak sebagaimana darah ketika *hayah al-mustaqqirrah* yang terpancut dengan banyak. Hal ini demikian kerana berbeza keadaannya apabila binatang itu telah mati ataupun dalam keadaan *hayah al-madhbuhah*.

Kaedah yang digunakan sekarang dalam usaha untuk memastikan binatang tidak mati dengan *stunning* sebagaimana yang terdapat dalam Malaysian Standard 1500:2009 ialah penetapan arus ditetapkan pada kadar yang tertentu bagi *stunning* yang menggunakan kejutan elektrik atau *waterbath* dan bagi *pneumatic percussive* pula, ditetapkan kadar tekanan tertentu ketika melakukan ketukan. Secara asasnya, penggunaan *stunning* tidak menjadikan daging binatang sembelihan itu haram sekiranya ia tidak menyebabkan kematian atau tidak menyebabkan binatang tersebut berada pada *hayah al-madhbuhah* sebelum disembelih.

Beberapa pendapat semasa seperti pendapat Syeikh Jad al-Haq, dan Dr. Wahbah al-Zuhayli membenarkan *stunning*. Walau bagaimanapun, Jad al-Haq (1978) hanya membincangkan *stunning* yang menggunakan kejutan elektrik dan dadah. Beliau berpendapat harus sekiranya cara itu dapat menenang dan melemahkan tendangannya sebelum disembelih dengan syarat proses itu tidak mematikan haiwan tersebut. Bagi al-Zuhayli (1989), walaupun beliau membenarkan *stunning* tetapi beliau turut menyebut bahawa penggunaan *stunning* yang berbentuk hentakan dan kejutan elektrik adalah haram kerana menyeksa binatang. Haram pada perbuatan *stunning* tetapi daging binatang yang disembelih halal dimakan sekiranya binatang itu masih hidup ketika disembelih.

Dalam proses *stunning* kemungkinan akan berlakunya penyeksaan kepada binatang. Di samping itu, terdapat kemungkinan binatang itu mati. Penyeksaan bertentangan dengan

sifat ihsan yang dituntut oleh Islam. Ihsan ialah satu bentuk rahmat termasuk kepada binatang. Begitu juga sekiranya binatang itu mati akibat daripada *stunning*, ia akan dibuang kerana sudah menjadi bangkai. Ini bertentangan dengan *maslahah* penjagaan harta.

Dalam penggunaan *stunning*, terdapat pertembungan pendapat antara golongan pejuang kebajikan haiwan (*animal welfare*) dengan mereka yang menyokong dan mengamalkan sembelihan tanpa *stunning*. Pejuang kebajikan haiwan mendakwa sembelihan tanpa *stunning* menyeksa binatang. Oleh itu, terdapat beberapa negara di Eropah telah mengharamkan sembelihan tanpa *stunning*. Dalam hal ini, pengukuran berdasarkan kepada pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah* perlu dilihat dari dua sudut iaitu:

- i- Kaedah manakah yang lebih menyeksa atau lebih mendatangkan ihsan kepada haiwan, dengan *stunning* atau tanpa *stunning*.
- ii- Kaedah manakah yang menghasilkan kualiti daging yang lebih baik.

Antara perkara yang dituntut oleh Islam ialah melakukan ihsan terhadap sesama makhluk termasuklah kepada binatang ketika sembelihan. Ini bertepatan dengan hadis Nabi S.A.W.:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا  
<sup>1</sup>دَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الدَّبْخَةَ، وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفَرَتَهُ، وَلْيُرِخْ ذَبِيَّتَهُ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah menetapkan ihsan atas setiap sesuatu. Oleh itu, apabila kamu membunuh, bunuhlah dengan ihsan dan apabila kamu menyembelih, sembelihlah dengan ihsan, dan hendaklah seseorang kamu menajamkan pisaunya dan merehatkan binatang sembelihannya.

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim, Kitab al-Shaid wa al-Dhaba'ih wa ma Yu'kal min al-Hayawan, Bab al-Amr bi Ihsan al-Dhabh wa al-Qatl wa Tahdid al-Shafran, no. hadis 1955.

Pejuang kebajikan haiwan mendakwa sembelihan tanpa *stunning* menyeksa binatang. Menurut mereka, kajian oleh sekumpulan ahli sains yang dibiayai oleh European Union (EU) yang dibuat pada tahun 2010 menunjukkan kemungkinan yang sangat besar binatang merasai kesakitan ketika sembelihan kerana berdasarkan kajian tersebut, binatang didapati hanya kehilangan sedar dalam tempoh lima hingga sembilan puluh saat selepas sembelihan dilakukan. Sebelum itu, pada tahun 2008, terdapat juga kajian di bawah kerajaan Belanda yang mendapati sembelihan ritual mempunyai beberapa aspek negatif berbanding sembelihan konvensional yang menggunakan *stunning*. Walau bagaimanapun, dapatan ini ditolak oleh mereka yang menyokong sembelihan tanpa *stunning* sama ada dari kumpulan Yahudi yang mempraktikkan *shechita* (sembelihan menurut agama Yahudi) ataupun kumpulan Islam yang memperaktikkan sembelihan halal. Menurut mereka, kajian di atas dilakukan oleh kumpulan yang memang anti sembelihan halal dan *Kosher* (Raffi Berg, 2011).

Dalam Islam, sembelihan dilakukan dalam keadaan binatang itu masih hidup. Mengikut satu kajian, ‘*struggling*’ atau pergerakan yang kuat selepas sembelihan adalah suatu yang penting untuk pengeluaran darah dengan cara terbaik daripada badan binatang. Pergerakan yang perlahan melalui sembelihan bukan cara Islam (ketika binatang sudah mati atau *hayah al-madhbuhah*) menyebabkan darah masih kekal di dalam badan (Abd Salam Babji et al, 2006). Terdapat juga kajian yang mendapati binatang yang dikenakan *stunning* dengan *Low Power Non Penetrative* (*stunner non-penetrative* tekanan lebih rendah) lebih rendah ukuran tekanan fisiologinya berbanding dengan binatang yang dikenakan *stunning* dengan *High Power Non Penetrative* (*stunner non-penetrative* tekanan lebih tinggi) ketika dilakukan sembelihan. Kajian yang sama juga mendapati bahawa penggunaan *stunner penetrative* menyebabkan tekanan fisiologi yang lebih tinggi kepada binatang yang disembelih jika diukur kepada kenaikan aras hormon *adrenocorticotropic* (sejenis hormon yang meningkat penghasilannya di dalam badan apabila meningkatnya kadar tekanan atau *stress*). Walau bagaimanapun, dari sudut kajian saintifik, kajian ini menggunakan sampel yang terhad dan masih belum dapat dibuat konklusi yang kukuh (I.

Zulkifli et al, 2014). Di samping itu, menurut Dr. Mohamed Lutfi daripada University of Queensland, antara tahun 2003 hingga 2004, didapati 80 peratus hingga 95 peratus haiwan yang dikaji dengan menggunakan *non-penetrative captive bolt* yang cembung didapati mengalami keretakan dan pecah tengkorak manakala lima hingga 20 peratus mengalami lekukan dikepala (Jafri & Zulfakar, 2006).

Satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah kualiti daging. Kaedah manakah yang menghasilkan daging yang lebih berkualiti sama ada dengan *stunning* atau tanpa *stunning*. Ini kerana *maslahah* yang hendak dicapai hendaklah perlu menyeluruh merangkumi pelbagai aspek dan bukan hanya terhad bahagian tertentu sahaja tanpa melihat kepada bahagian yang lain. Tambahan pula, tujuan sembelihan itu adalah untuk *maslahah* manusia agar mereka dapat makan makanan yang halal lagi baik. Sehubungan dengan itu, penetapan penggunaan pelbagai jenis *stunning* atau tiada *stunning* langsung perlu juga melihat kepada ukuran *maslahah* dan *mafsadah* dari sudut daging yang dihasilkan.

Pada pandangan penulis, praktis sembelihan halal semasa juga perlu memberi perhatian kepada pengurusan haiwan sebelum disembelih agar sembelihan dapat dilakukan dengan baik, cepat dan tidak menyiksa binatang. Apabila dilihat kepada kempen oleh kumpulan pejuang kebajikan haiwan, mereka menyebut kisah dan aksi-aksi yang menunjukkan kekasaran yang dilakukan ketika sembelihan halal yang mereka dakwa ia dilakukan di rumah sembelihan halal. Walaupun begitu, hasil daripada pemerhatian Dr Temple Grandin (Professor of Animal Science at Colorado State University) ke atas sembelihan seorang *sochet* (Seorang penyembelih terlatih mengikut agama yahud), beliau dapati kedua-dua bentuk sembelihan iaitu sembelihan konvensional menggunakan *stunning* dan sembelihan menurut praktik agama (*religious slaughtering*) mendatangkan kesakitan secara minimum kepada binatang sekiranya dilakukan dengan betul (Raffi Berg, 2011).

Berdasarkan kepada *maslahah* atau *mafsadah* penggunaan *stunning* seperti yang dibincangkan di atas, secara asasnya binatang yang dilakukan *stunning* ke atasnya adalah halal sekiranya masih berada pada *hayah al-mustaqirrah* ketika sembelihan dilakukan. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat, pada masa ini kaedah sembelihan yang lebih menepati *maslahah* khususnya di Malaysia ialah tanpa *stunning*. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada beberapa alasan iaitu:

- i Belum ada dapatan yang jelas mengatakan *stunning* itu mengurangkan kesakitan kepada binatang yang disembelih sebagaimana yang didakwa oleh pejuang kebajikan haiwan. Sebaliknya terdapat juga kajian saintifik yang menunjukkan lebih kuat kadar *stunning*, lebih tertekan (*stress*) binatang yang disembelih.
- ii Terdapat juga kajian yang menunjukkan kadar pengeluaran darah yang terbaik ialah melalui *struggling* haiwan yang disembelih dalam keadaan sedar. Secara tidak langsung, ia menunjukkan sembelihan tanpa *stunning* boleh menyumbang kepada kualiti daging yang lebih baik.
- iii Sembelihan tanpa *stunning* juga lebih menepati pendekatan *ihtiyat*. Ini demikian kerana masih ada kemungkinan berlaku kematian kepada binatang dalam proses *stunning* tersebut. Walaupun terdapat kaedah pengawalan di pusat sembelihan halal tetapi menutup ruang kemudaratannya adalah lebih baik di samping mengelakkan daripada berlakunya perbuatan mensia-siakan binatang yang telah mati akibat daripada *stunning* kerana ia sudah tidak halal. Keadaan ini tidak menepati objektif syariah iaitu penjagaan harta. Oleh itu, sembelihan tanpa *stunning* lebih menepati penjagaan agama, nyawa dan juga harta.

Dalam konteks semasa, walaupun sembelihan tanpa *stunning* lebih menepati penjagaan agama, nyawa dan harta tetapi disebabkan industri penghasilan daging dikuasai oleh negara-negara bukan Islam di samping tuntutan pejuang kebajikan haiwan menyebabkan beberapa negara termasuk Malaysia telah menerima penggunaan *stunning*. Bagi orang Islam dan negara-negara Islam, mereka perlulah berusaha untuk menguasai pasaran

pengeluaran daging di samping menjalankan penyelidikan tentang kebaikan sembelihan tanpa *stunning* dengan secara yang lebih agresif.

### **1.5. Kesimpulan**

Pengurusan sembelihan yang menepati syarak merupakan antara perkara terpenting dalam industri daging halal. Perkembangan teknologi dan tuntutan pejuang kebajikan haiwan turut mempengaruhi dalam penggunaan teknologi *stunning* dalam sembelihan halal. Sembelihan yang menggunakan teknologi ini adalah halal sekiranya menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, secara asasnya dari sudut pengukuran *maslahah*, tidak menggunakannya lebih menepati maqasid syariah khususnya dalam menjaga agama, nyawa dan harta. Ini tidaklah bermakna penggunaannya tidak dibenarkan tetapi mengelak daripada menggunakannya adalah lebih baik kecuali pada keadaan-keadaan yang memerlukan dengan pematuhan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Seterusnya, dicadangkan agar dibuat kajian lanjut berkaitan sejauh mana *stunning* mendatangkan kesakitan berbanding sembelihan tanpa *stunning*. Begitu juga dari sudut kualiti daging yang dihasilkan sama ada dengan *stunning* ataupun tanpa *stunning*. *Maslahah* yang ingin dicapai hendaklah secara inklusif dan holistik. Ia sepatutnya tidak hanya terhad kepada anggapan berlaku penyeksaan kepada binatang sekiranya sembelihan dilakukan tanpa *stunning* bahkan perlu meliputi pelbagai aspek yang lain. Di samping itu, orang Islam juga perlu mengambil berat tentang prosedur pengurusan sebelum dan ketika sembelihan agar proses sembelihan itu bukan sahaja dapat dibuat dengan selamat, cepat dan ihsan tanpa penyeksaan kepada binatang tetapi turut dapat membina persepsi masyarakat Islam dan bukan Islam bahawa sembelihan Islam adalah terbaik dalam menjaga kebajikan haiwan dan keselamatan pihak yang menguruskan.

## Rujukan

- Abd Salam Babji, Junaidah Bajrai Barnett & Alina Abd.Rahim (2006). Halal Meat and The Islamic Slaughter. *Jurnal Halal*, Jakim, Bil.1. 9-18.
- Awis Qurni Sazili (2012). Sains di dalam Penyembelihan Halal. Slide pembentangan pada kursus sembelihan halal. Universiti Putra Malaysia.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (1996). *Al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Al-Haq, Jad (1978). Kahrabah al-Hayawan Qabl Dhabhiha. Laman Sesawang al-Mawsu'ah al-Kamilah. <http://islamport.com/w/ftw/Web/432/3212.htm>, dicapai 1 April 2022.
- I.Zulkifli, Y. M. Goh, B. Norbaiyah, A. Q. Sazili, M. Lotfi, F. Soleimani and A. H. Small (2014). Changes in blood parameters and electroencephalogram of cattle as affected by different stunning and slaughter methods in cattle. *Animal Production Science Journal*, Volume 54, Issues 2, 187–193.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir (2011). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Nafa'is.
- Jafri Abdullah dan Zulfaqar Mamat (2006). Penggunaan Stunning Menurut Pandangan Islam. *Jurnal Halal*. Jakim, Bil.1, 40-43.
- Al-Juwaini, 'Abd al-Malik bin 'Abd. Allah (1997). *Al-Burhan fi usul al-Fiqh*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- K. Nakayinsige, Y.B. Che Man, Zeiad A. Aghwan, I. Zulkifli, Y.M. Goh, F. Abu Bakar, H.A. Al-Kahtani & A.Q. Sazili (2013). Stunning and Animal Welfare from Islamic and Scientific Perspectives. *Meat Sciences* 95. 352-361.
- Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar (2003). *Al-Maqasid al-Shari'iyah Ta'rifuha Amthalatuha Hujiyatuha*. Kunuz Eshbelia.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (2015). JAKIM.
- Malaysian Standard 1900:2009.

- Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah.
- Malaysian Protocol for the Halal Meat and Poultry Products (2011).
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd al-Rauf (1998). *Kamus Idris al-Marbawi*. Darul Nu'man.
- Meat Industry Association of New Zealand (Inc).  
<https://www.mia.co.nz/what-we-do/trade/halal/>, dicapai 03 April 2022
- Merriam-Webmaster. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/stunning>
- Al-Naysaburi, Muslim bin al-Hajaj (2007). *Sahih Muslim*. Dar al-Ghad al-Jadid.
- 9 out of 10 Europeans want mandatory stunning before slaughter and call on the EU to preserve the right of Member States to protect animal welfare, *Eurogroup For Animals*, 8 Oct 2020, <https://www.eurogroupforanimals.org/news/9-out-10-europeans-want-mandatory-stunning-slaughter-and-call-eu-preserve-right-member-states>
- Norhidayah bt Pauzi (2016). Analisis Perbandingan Piawai Halal antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya.
- Opinion of the Scientific Panel on Animal Health and Welfare on a Request from the Commission Related to Welfare Aspects of the Main Systems of Stunning and Killing the Main Commercial Species of Animals (2004). *The EFSA Journal*, Vol.2, Issue 7.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006). *Halal Haram*. Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Penyelarasan sijil halal global penting bagi pertumbuhan industri, 19 Jan 2020, berita.  
<https://berita.mediacorp.sg/kewangan/dewi-hartaty-penyelarasan-sijil-halal-global-penting-bagi-132351>
- Al-Raysuni, Ahmad (2011). *Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi*. Maktabah al-Hidayah.
- Raffi Berg, “Should animals be stunned before slaughter?”, *BBC News*, 30 Nov 2011, dicapai 1 April 2022, <http://www.bbc.com/news/magazine-14779271>

Penggunaan Teknologi *Stunning* dalam Sembelihan Halal di Malaysia Menurut Perspektif Maqasid Syariah

Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (2011). *Al Muwafaqat fī Usul al-Shari‘ah*. Dar al-Ghad al-Jadid.

“The Endless Halal Industries”, 14 September, 2016. *World Economic Islamic Forum (WEIF)*. Dikemaskini 9 Disember 2016, dicapai 1 April 2022, <http://infocus.wief.org/one-global-system-one-endless-halal-industry/>

The Gazette of Pakistan, Mac 2016, Pakistan Halal Authority Act, Act No. VIII of 2016, Perkara 5.2.5 (a) & (b), dicapai pada 1 Nov. 2018, extwprlegs1.fao.org/docs/pdf/pak164529.pdf.

Al-Zuhayli, Wahbah (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dar al-Fikr.

